50

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
Jalan UMS, 88400 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia
Tel: +6088 320000
Fax: +6088 320343/320094
Website: www.ums.edu.my

IKLAN JAWATAN TIMBALAN NAIB CANSELOR (PENYELIDIKAN DAN INOVASI)

Pemohon-pemohon adalah dipelawa daripada kakitangan Akademik Universiti untuk mengisi jawatan **Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)** di Universiti Malaysia Sabah. Maklumat jawatan adalah seperti berikut :

1. Jawatan : TIMBALAN NAIB CANSELOR (PENYELIDIKAN DAN INOVASI)

2. Gred Jawatan : Gred Utama B (VU6)

3. Tangga Gaji :

1	2	3	4	5
7145.00	7838.78	8599.93	9434.99	10270.05

4. Bentuk Lantikan : Tukar Sementara

5. Tempoh Perkhidmatan : Tiga (3) tahun (Tertakluk kepada keputusan Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia)

6. Kelayakan dan Pengalaman : Sekurang-kurangnya telah memegang **jawatan Profesor Gred Khas C (Berjawatan tetap atau kontrak)**

: Disahkan dalam Perkhidmatan

7. Kriteria Lantikan :

a) Seorang ahli akademik yang cemerlang, berwibawa serta mempunyai ciri-ciri kepimpinan yang cemerlang dan dihormati;

b) Mempunyai pemikiran dan sikap yang proaktif serta mampu mengurus kepelbagaian dalam apa jua situasi;

c) Seorang yang mempamerkan sifat kepimpinan melalui teladan kepada mereka yang di bawah pimpinannya;

d) Mempunyai perwatakan yang dinamik serta bertanggungjawab dan komited kepada tugas dan tanggungjawab berdasarkan nilai-nilai murni masyarakat dan negara;

e) Berkeupayaan mengenal pasti konflik dan mengurusnya dengan baik serta berhemah;

f) Mempunyai potensi untuk menyumbang secara berkesan terhadap pembangunan Universiti dan Pendidikan Tinggi Negara secara keseluruhannya;

g) Penentuan kebolehan dalam kriteria ini akan dinilai oleh Jawatankuasa Pemilih yang dipengerusikan oleh Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti.